

**Fahami Perlembagaan Untuk Kekal Bersatu, Harmoni – Salang
Bernama
05 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Semua kaum di Malaysia perlu memahami kandungan perlembagaan negara untuk membolehkan mereka bersatu, harmoni dan bertolak ansur walaupun berbeza bahasa, budaya dan agama, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang pada Khamis.

Beliau berkata rakyat seharusnya berbangga kerana Malaysia mempunyai perlembagaan lengkap untuk menjadi asas kepada perpaduan dan kemajuan negara berbanding negara-negara lain.

Katanya banyak negara yang merdeka daripada penjajahan Barat lebih awal dari Malaysia, namun ia tidak dapat mengekalkan kestabilan dan mencapai tahap kemajuan seperti yang dikecapi oleh negara ini.

"Keadaan itu berpunca daripada ketidakadilan dalam pengagihan kuasa dan kekayaan negara yang membawa kepada ketidakadilan sosial, politik dan ekonomi dalam sesebuah negara," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Perlembagaan Malaysia 'Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa' di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini.

Seminar sehari itu dianjurkan Arkib Negara dengan fokus perbincangan menumpu kepada Perlembagaan Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678172>